

WASATIYYAH DALAM MENGURUSKAN KEPELBAGAIAN ETNIK DI MALAYSIA: TINJAUAN DARIPADA PERSPEKTIF KESELAMATAN

Mejar Dr Muhammad Syukri Hj Zahari Al-Hafiz
Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan,
Jabatan Kenegaraan, Kepemimpinan dan Ketamadunan,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,
Kem Sungai Besi,
57000 Kuala Lumpur

Abstrak

Malaysia merupakan antara contoh terbaik dalam mempromosikan kepelbagaian etnik. Sebagai sebuah negara berbilang bangsa dan agama, pelbagai usaha untuk mempertahankan keamanan dan keharmonian telah diusahakan oleh pemerintah semenjak sebelum kemerdekaan. Populasi Malaysia yang didominasi oleh tiga bangsa utama serta pelbagai sub-etnik menjadikan hubungan ini unik serta menuntut satu hubungan harmoni yang tidak boleh dikompromi sama sekali. Kegagalan memastikan perkara ini boleh menggugat kestabilan dan keamanan negara. Kontrak sosial melalui Perlembagaan Malaysia menetapkan beberapa perkara berkaitan agama Islam, Bangsa Melayu dan Bahasa Melayu seringkali dipertikaikan kebelakangan ini. Artikel ini akan mengupas mengenai kepentingan dan kecekapan dalam menguruskan etnik yang pelbagai di Malaysia. Perbincangan akan menjurus kepada cabaran-cabaran dalam menguruskan kepelbagaian etnik bagi mengelakkan pergeseran dan seterusnya menggugat keharmonian kaum serta menjejaskan keselamatan negara terutamanya dari sudut keselamatan *non-tradisional*. Justeru, sebagai sebuah negara Islam, konsep *wasatiyyah* merupakan jalan terbaik dalam menangani permasalahan ini. Setiap individu dan etnik diberikan hak masing-masing dalam konsep kenegaraan yang dianjurkan Islam berteraskan prinsip *maqasid syariah*. Ini akan mengembalikan kita kepada al-Quran dan Sunnah bagi menyelesaikan segala masalah dan kekusutan yang melanda umat manusia dalam arus yang kebanyakannya didominasi oleh teori-teori yang berteraskan perspektif pemikiran Barat.

Kata Kunci: Kepelbagaian etnik, Perlembagaan Malaysia, keselamatan *non-tradisional*, *maqasid syariah*, al-Quran dan Sunnah

Pengenalan

Kewujudan sesuatu etnik, bangsa dan suku kaum merupakan suatu realiti penciptaan oleh Allah SWT, dan setiap manusia dimuliakan tanpa mengira etnik. Oleh itu, tidak boleh berlaku perbezaan atau penafian hak berdasarkan etnik. Hal ini menjelaskan bahawa manusia secara fitrah telah dijadikan Allah dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza dan semua mesti menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu sebagai satu lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku. Kepelbagaian dan perbezaan itu bukanlah faktor untuk berpecah-belah dan bermusuhan. Seharusnya kita perlu kenal-mengenal dan membantu antara satu sama lain agar kedamaian dan kemakmuran hidup bersama dapat dicapai.¹ Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat yang bermaksud:

¹ Ahmad Ali Seman dan Warti Kimi, *Hubungan Etnik di Malaysia* (Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd., 2013), 10.

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).”

(Al-Quran, 49: 13)

Malaysia merupakan antara contoh terbaik dalam membincangkan berkenaan hubungan etnik. Ini kerana, Malaysia mempunyai keunikan tersendiri disebabkan kepelbagaian kaum, agama dan budaya, serta hidup dalam keadaan aman dan harmoni.² Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), jumlah penduduk di Malaysia sehingga 15 Julai 2020 adalah berjumlah 32.73 juta dengan 29.7 juta orang merupakan warganegara yang didominasi oleh kumpulan etnik Melayu dan Bumiputera sebanyak 69.6%, Cina (22.6%), India (6.8%) dan lain-lain bangsa (1%).³ Kumpulan-kumpulan etnik ini dipecahkan lagi oleh kelompok yang mewakili sub-etnik, kumpulan bahasa dan dialek yang menjadikan keseluruhannya lebih daripada 200 kumpulan.⁴ Seterusnya, etnik-etnik ini dipecahkan lagi berdasarkan agama pula, iaitu agama Islam mendominasi kepercayaan penduduk Malaysia iaitu sebanyak 63.3%, diikuti agama Buddha (19.2%), Kristian (9.1%), Hindu (6.3%), serta lain-lain agama seperti agama Sikh, ajaran-ajaran tradisional Cina seperti Konfusius, Tao dan lain-lain kepercayaan seperti Pagan (2.1%).⁵ Dengan komposisi etnik, agama, budaya dan bahasa yang begitu kompleks, satu bentuk tadbir urus yang mantap diperlukan bagi perpecahan yang boleh membawa kepada konflik di antara kaum yang menjejaskan keselamatan dalam negara seperti Peristiwa 13 Mei 1969, Peristiwa Kampung Medan 2001 dan sebagainya. Pelbagai agenda telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menyatupadukan penduduk Malaysia. J.S Furnival (1965) menyatakan bahawa mereka ini bergaul tetapi tidak bergabung kerana pegangan agama masing-masing, kebudayaan, bahasa, idea dan caraberpikir sendiri.⁶

Perlembagaan Malaysia yang merupakan dokumen mengandungi undang-undang tertinggi negara telah menentukan peruntukan-peruntukan mengenai agama, bahasa, kewarganegaraan, sistem pemerintahan, hak asasi dan sebagainya.⁷ Peruntukan dalam perlembagaan ini bertujuan untuk mewujudkan pemerintahan yang adil dan menyatupadukan kaum-kaum di Malaysia. Sebagai contoh, agama Islam menurut Perlembagaan Malaysia 1963 merupakan agama rasmi (Perkara 3 (1)), tetapi agama-agama lain bebas diamalkan di Malaysia. Begitu juga dengan peruntukan dalam Perkara 152 yang memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Malaysia, tetapi bahasa-bahasa lain diberi kelonggaran untuk dituturkan. Manakala Perkara 153 pula mengenai kedudukan istimewa orang Melayu, tetapi dalam perinciannya menyatakan bahawa Yang Di Pertuan Agong turut menjaga kepentingan bangsa-bangsa lain.⁸

²Noor Azmi Mohd Zainol, “Promoting Ethnic Relations in Peace Keeping Operations.” (syarahan Modul Cultural Diversity in Peacekeeping Operations, Pusat Pengaman Malaysia, 23 Februari, 2015).

³www.dosm.gov.my

⁴Shamsul Amri Baharuddin, *Modul Hubungan Etnik*, Edisi ke-2 (Bangi: Institut Kajian Etnik UKM, 2013), 13.

⁵www.dosm.gov.my

⁶Ahmad Ali dan Warti, *Hubungan Etnik di Malaysia*, 2.

⁷Ibid, 192.

⁸Shamsul Amri, *Modul Hubungan Etnik*, 106-112.

Walaupun bagaimanapun, kontrak sosial yang telah dicapai melalui perundingan antara etnik dan telah termaktub semenjak tahun 1963 ini cuba dipertikaikan oleh pihak-pihak berkepentingan demi memastikan kepentingan mereka dipenuhi tanpa melihat kepada konflik yang bakal berlaku, iaitu hubungan antara Melayu dan bukan Melayu. Walaupun orang Melayu mendapat keistimewaan seperti yang termaktub dalam perlembagaan, pelaksanaannya tidak menjejaskan kedudukan ekonomi, politik dan pendidikan serta politik orang bukan Melayu, malah dalam sektor ekonomi dan pendidikan, mereka lebih baik dari orang Melayu. Keadaan ini akan menyebabkan wujudnya pergeseran, pergaduhan kaum, prasangka, prejudis, stereotaip dan sebagainya yang diklasifikasikan sebagai keselamatan *non-tradisional* dan seterusnya menggugat keselamatan negara.⁹ Keadaan ini sekiranya berlaku perlulah diselesaikan secara aman kerana kos melepas yang perlu ditanggung oleh individu, kolektif sosial, etnik, wilayah dan negara amatlah tinggi sekiranya konflik secara terbuka dan melibatkan kekerasan fizikal berlaku.¹⁰

Hubungan Etnik dan Isu-isu Keselamatan *Non-Tradisional*

Semenjak sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, komposisi penduduk pelbagai etnik telah wujud berpunca dari polisi pemerintahan penjajah yang membawa masuk imigran Cina dan India sebagai buruh bagi memenuhi tuntutan ekonomi penjajah.¹¹ Keadaan ini telah memisahkan etnik-etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India dari sudut pendidikan, kuasa ekonomi dan penempatan dan politik.¹² Namun selepas Kemerdekaan, masyarakat semakin berusaha untuk hidup bersama. Perkembangannya bersifat persaingan, ketegangan dan konflik yang melalui beberapa era seperti Era Konflik (1945-1960), Era Stabil Tapi Tegang (1961-1970) dan Era Kesepaduan Sosial (1971-2011).¹³

Terdapat beberapa faktor yang boleh menjurus kepada konflik dalam hubungan etnik dan seterusnya membawa kepada masalah etnik dalam negara. Keadaan akan menjadi lebih buruk sekiranya konflik tersebut turut melibatkan campurtangan asing. Faktor-faktor tersebut merupakan pencetus kepada konflik etnik di beberapa buah negara di dunia seperti di Amerika Syarikat, Afrika Selatan, Rwanda, Myanmar, Indo-China dan Bosnia-Herzegovina. Di antara faktor-faktor tersebut adalah perebutan kuasa di antara kelompok-kelompok etnik majoriti dan minoriti,¹⁴ diskriminasi dan prasangka atas dasar warna kulit, layanan yang tidak adil di antara etnik, penubuhan organisasi berteraskan etnik, kepelbagaian agama dan budaya, serta peranan golongan elit.¹⁵ Perkara-perkara ini dapat dilihat daripada pelbagai sudut sama ada politik, sosial dan ekonomi.

Faktor-faktor yang dinyatakan kebanyakannya adalah saling berkait antara satu sama lain dan turut menyumbang dalam senario hubungan etnik di Malaysia. Kemuncak kepada masalah hubungan etnik di Malaysia adalah Peristiwa 13 Mei 1969. Natijah daripada peristiwa ini menunjukkan bahawa pengagihan habuan ekonomi yang saksama dan perkongsian kuasa

⁹ Ganesh Navaratnam, "Malaysia's Ethnic Relations and National Security: Review of Literature and Micro Survey" (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007), 18.

¹⁰ Shamsul Amri, *Modul Hubungan Etnik*, 11.

¹¹ Ganesh Navaratnam, "Malaysia's Ethnic Relations and National Security: Review of Literature and Micro Survey" (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007), 7.

¹² Noor Azmi, "Promoting Ethnic Relations."

¹³ Shamsul Amri, *Modul Hubungan Etnik*, 6-10.

¹⁴ Cashmore, Ellis dan Banton, Michael, *Dictionary of Race and Ethnic Relations*, (London and New York: Routledge, 1992), 239-245.

¹⁵ McSweeney, *Security, Identity and Interest: A Sociology of International Relations*, (Cambridge: University of Cambridge, 1999), 156-157.

pemerintahan yang matang perlu berjalan seiring bagi mengelakkan timbulnya konflik antara etnik.¹⁶ Kerjasama di antara kerajaan yang memerintah, parti-parti politik, komuniti dan pihak-pihak-pihak swasta bagi mewujudkan suasana yang harmoni bukan sahaja dalam kalangan pelbagai etnik malah antara kelas sosial. Peristiwa Kampung Medan pada Mac 2001 yang disebabkan oleh faktor-faktor perbezaan etnik, jarak sosial dan kelas, jenayah benci, serta gangsterisme¹⁷ juga merupakan salah satu daripada bentuk ancaman keselamatan *non-tradisional* yang menguji keupayaan pengurusan etnik yang pelbagai di Malaysia.

Selain itu, pelbagai isu terkini seperti, isu Alvin Tan dan Vivien Lee (*Selamat Berbuka Puasa with Bak Kut Teh...fragrant, delicious and appetising* dan *Muslim Call to Prayer - Azan* (R&B cover), kempen *I want to touch a dog*, Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau *Goods and Service Tax*, gereja tanpa permit menaikkan salib besar di Taman Medan, Petaling Jaya, menghina agama Islam, kalimah Allah dan bahasa Melayu dalam edaran Bible serta penghinaan institusi beraja turut menambahkan statistik cabaran hubungan etnik di Malaysia. Situasi ini jika berterusan mampu menggugat keharmonian hubungan etnik yang pelbagai di negara ini.¹⁸ Kejadian baru-baru ini melibatkan kes pukul dan ugutan menggunakan senjata oleh seorang majikan terhadap dua orang pengawal peribadinya yang berpuasa serta mencaci nama Allah turut menimbulkan suasana yang agak tegang berkaitan isu sensitiviti agama. Walau bagaimanapun, kesemua isu ini telah dapat ditangani oleh pihak berkuasa dengan profesional dan berjaya menghalang daripada isu ini menjadi lebih besar sehingga menggugat keselamatan negara.

Konsep Wasatiyyah dalam Hubungan Etnik

Pendekatan *wasatiyyah* atau kesederhanaan merupakan satu platform yang terbaik dalam menguruskan setiap permasalahan. Fakh al-Din al-Razi (1935), menyatakan tentang *wasatiyyah* dengan mentafsirkan *wasat* itu sebagai keadilan yang mana pendekatan adil tersebut akan menjadi lebih baik sekiranya berada di tengah iaitu seimbang dan sama dalam segala hal. Beliau turut menjelaskan tentang ummatan wasatan iaitu umat “umat yang adil lagi terpilih”.¹⁹ Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 143 yang bermaksud:

“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.”

(Al-Quran, 2: 143)

Ayat tersebut menjelaskan bahawa umat Islam adalah *ummatan wasatan* atau umat yang adil iaitu umat yang memilih jalan sederhana antara dua sikap ekstrem iaitu jumud dan berlebihan sepertimana Yahudi dan Nasrani. Selain itu, tafsiran *ummatan wasatan* kepada umat

¹⁶ Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu dan Budi Anto Mohd Tamring, *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa* (Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd., 2011), 3.

¹⁷ Kamaruddin M. Said. “Etnisiti atau Anomie? Analisis Sosiologikal Peristiwa Pergaduhan Beramai-ramai di Petaling Jaya Selatan.” *Akademika* 60 (2002): 21–39.

¹⁸ Noor Azmi Mohd Zainol, “*Ethnic Issues as a Part of Non-Traditional Security and Strategic Issues (Socio-Economy)*.” (syarahan Modul Kursus Pengesanan Isu-isu Etnik Kerjasama UPNM-JPNIN, Kem Kongkoi, 26 Mei, 2015).

¹⁹ Azyati Azhani Mohd Mazuki et al., “Aplikasi Konsep Wasatiyyah Dalam Pembentukan Piagam Madinah,” *International Journal of West Asian Studies* 5 (2013): 1-15.

Nabi Muhammad SAW sebagai umat yang adil lagi terpilih adalah sebagai perbandingan dengan umat-umat yang lain. Oleh itu, daripada pengertian yang diberikan dapat disimpulkan bahawa *wasatiyyah* bermaksud seimbang, sederhana, adil, kesatuan dan tidak melampau. *Wasatiyyah* bukan sahaja memilih pendekatan sederhana malah perlu memilih yang terbaik supaya setiap tindakan yang dilakukan selari dengan apa yang digariskan agama.²⁰

Dalam konteks hubungan etnik, penerapan konsep *wasatiyyah* ini merupakan satu bentuk toleransi yang dilihat sebagai jalan terbaik bagi menguruskan kepelbagaian dan menyelesaikan sebarang konflik etnik. Sebagaimana yang disebutkan di permulaan artikel ini, kepelbagaian etnik adalah fitrah penciptaan Allah SWT. Kemuliaan makhluk disisi Allah SWT adalah atas dasar taqwa, bukannya atas dasar etnik tertentu. Surah al-Hujurat, ayat 13 yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).”

(Al-Quran, 49: 13)

Ayat ini diperkukuhkan lagi dengan ayat 107, Surah al-Anbiya' yang bermaksud:

“Dan tiadalah kami mengutuskan engkau (Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam.”

(Al-Quran, 21: 107)

Ayat diatas tidak langsung menyebut tentang rahmat terhadap sesuatu kelompok etnik, tetapi kepada seluruh alam. Seluruh alam ini ditafsirkan sebagai keseluruhan makhluk termasuk makhluk yang tidak bernyawa.²¹ Sekiranya rahmat itu diturunkan terhadap sesuatu kelompok sahaja, sudah tentu hanya kelompok yang disebutkan akan menerima rahmat Allah SWT manakala yang lainnya akan menerima azab. Seterusnya dalam surah al-Mumtahanah, ayat 8, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangi kamu. Kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negeri kamu. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang berlaku adil.”

(Al-Quran, 60: 8)

Ayat-ayat yang dinyatakan menunjukkan bahawa Allah SWT telah memberikan kita panduan dengan amat jelas dalam hubungan etnik terutamanya yang berkaitan di antara hubungan muslim dan *non-muslim* bagi mengelakkan sebarang tindakan melampau yang boleh menyebabkan kekacauan dan kecelaruan seterusnya menyebabkan konflik etnik yang tidak terkawal.

²⁰Azyati Azhani “Aplikasi Konsep Wasatiyyah Dalam Pembentukan Piagam Madinah”.

²¹ Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Negara Sejahtera* (Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd., 2014), 33-35.

Penggubalan *Sahifah Madinah* (Piagam Madinah) oleh Rasulullah SAW merupakan panduan kepada umat Islam agar berinteraksi secara adil di antara kaum termasuklah hubungan di antara orang Islam dan bukan Islam.²² Di antara butir-butir kesepakatan yang terkandung dalam Piagam Madinah ialah sesiapa yang hidup dan tinggal di wilayah Madinah, baik Islam atau pun bukan Islam, dengan syarat tidak berbuat zalim, khianat dan huru-hara, maka hendaklah mereka dilindungi dan diberi keamanan di bawah kekuasaan Islam yang suci. Piagam tersebut memberikan hak kewarganegaraan di antara orang Islam dan bukan Islam untuk hidup bersama dalam sebuah negara. Selain itu, Piagam tersebut turut menyeru kepada untuk hidup bersama dan menikmati hak kesamarataan serta saling ingat-mengingati di antara satu sama lain atas sesuatu perkara selagi tidak melanggar perintah Allah SWT.

Perkara ini ditegaskan lagi dengan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Daud dengan maksudnya:

“Barangsiapa menyakiti orang bukan Islam yang berada di bawah perlindungan Islam, maka ia telah menyakiti aku, dan barangsiapa yang menyakiti aku, maka ia telah menyakiti Tuhan.”

(Riwayat Abu Daud)

Selain itu, prinsip yang kedua pula ialah berkaitan kebebasan. Setiap warganegara bebas mengamalkan agama yang dianuti sebagaimana yang terkandung dalam Fasal 25 Piagam Madinah, iaitu:

“Bahawa kaum Yahudi dari Bani Araf adalah satu ummah bersama orang-orang mukmin. Mereka bebas dengan agama mereka sendiri (Yahudi) dan orang Islam dengan agama mereka (Islam), begitu juga orang-orang yang sekutu mereka dan begitu juga mereka sendiri, melainkan sesiapa yang zalim dan berbuat dosa maka hal itu tidak akan menimpa melainkan dirinya dan keluarganya.”

Berdasarkan Fasal 25 tersebut, jelaslah kepada kita bahawa umat Islam wajib mengenyahkan sensitiviti keagamaan dalam menghormati kebebasan beragama. Toleransi antara penganut agama amatlah dituntut bagi mengelak sebarang konflik. Tidak ada sesuatu yang boleh menghalang hubungan baik ini kecuali sikap permusuhan sama ada yang dimulakan oleh orang Islam sendiri atau sebaliknya.

Seterusnya adalah hak kesamarataan yang wajib ditunaikan oleh pihak pemerintah tanpa mengira kelompok etnik. Kepelbagaian etnik menggariskan bahawa umat yang pluralistik merupakan satu kesatuan dari sudut politik, iaitu umat yang tinggal dan hidup di sebuah negeri, saling bantu-membantu, bergandeng bahu mempertahankan negara, dan perlu diberikan hak-hak yang sepatutnya. Oleh itu, sebarang bentuk pelanggaran hak amatlah dilarang oleh Islam.²³ Manakala, kesatuan umat dari sudut agama pula diterjemahkan melalui Surah al-Anbiya', ayat 92 yang bermaksud:

“Sesungguhnya (agama Tauhid) ini adalah agama kamu semua, agama yang satu dan Aku adalah Tuhanmu, Maka sembahlah Aku.”

(Al-Quran, 21: 92)

²²Ibid, 35.

²³Ibid, 36-37.

dan, ayat 10, Surah Al-Hujurat merupakan dasar kepada ukhwah dalam kalangan umat Islam, maksudnya:

“Orang-orang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Oleh sebab itu, damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat.”

(Al-Quran, 49: 10)

Hubungan Etnik Berteraskan Islam dalam Konteks Malaysia

Dalam konteks Malaysia, hubungan etnik adalah berteraskan kontrak sosial yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Pentadbiran negara yang menggunakan Perlembagaan Malaysia adalah selari dengan konsep *maqasid syariah* iaitu tujuan dan matlamat daripada persyariatan hukum.²⁴ *Maqasid syariah* dapat dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu *dharuriyyat* (perkara yang perlu wujud bagi kebaikan dan maslahat agama dan dunia), *hajiyyat* (perkara yang diperlukan bagi meluaskan dan menolak kepayahan), dan *tahsiniyyat* (perkara yang melengkapkan hal umat dalam sistemnya hingga umat hidup dalam suasana tenang dan baik).²⁵ Oleh itu, beberapa prinsip anjuran Islam yang digunapakai dalam Perlembagaan Malaysia telah dikenalpasti bagi menjamin hubungan etnik yang kukuh.

Prinsip yang pertama adalah kebebasan akidah sebagaimana maksud ayat 256, Surah Al-Baqarah, iaitu:

“Tiada paksaan dalam agama, kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur).”

(Al-Quran, 2: 256)

Islam menjamin kebebasan akidah setiap insan serta mematuhi dan menghormati prinsip kebebasan beragama yang mana tiada paksaan dalam agamadan persetujuan untuk berbeza dalam agama. Oleh itu, agama-agama lain boleh diamalkan. Prinsip-prinsip ini juga bertepatan dengan Perlembagaan Malaysia berdasarkan kepada Perkara 3, yang memperuntukkan bahawa Islam adalah Agama Persekutuan atau dimaksudkan juga sebagai Agama Rasmi. Walau bagaimanapun agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai tanpa sebarang sekatan.

Ayat tersebut menekankan kepada kebebasan beragama, tetapi dalam masa yang sama, ayat tersebut memberi keterangan bahawa agama yang benar di sisi Allah SWT adalah Islam. Ini menunjukkan bahawa Islam tidak memaksa penganut agama lain untuk menganut agama Islam. Kebebasan ini membuka ruang kepada masyarakat bukan Islam untuk mendirikan rumah-rumah ibadat mereka berdasarkan peraturan dan kawalan yang ditetapkan. Perkara ini dijelaskan Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 108 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu menghina apa yang mereka sembah selain dari Allah, kerana mereka kelak akan mencaci Allah secara melampaui batas tanpa ilmu pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Dia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.”

²⁴Mohammad Nizam, Abdul Kadir, *Indahnya Kenegaraan Islam* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd. 2013), 147.

²⁵Ibid, 148-149.

(Al-Quran, 6: 108)

Prinsip seterusnya adalah memperakui hak kemuliaan setiap insan. Dalam agama Islam, setiap insan adalah mulia dan kemuliaan itu tidak mengira jantina, umur, bangsa, agama dan sebagainya. Setiap insan tidak boleh dinafikan haknya berdasarkan perbezaan etnik.²⁶ Ini termaktub di dalam firman Allah SWT, iaitu:

“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan lautan (dengan memudahkan pengangkutan di daratan dan di lautan), Kami berikan rezeki rezeki daripada yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengankelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang kami ciptakan.”

(Al-Quran, 17:70)

Rasulullah SAW mengajar kita bagaimana menghormati sesama manusia tanpa mengira bangsa dan pegangan akidahnya. Sabda Baginda dalam hadith berikut telah memberi isyarat bahawa Islam menggalakkan umatnya menghormati semua agama dan kaum kerana Islam ini menuntut kita supaya saling hormat menghormati dan bersikap lebih kemanusiaan sesama manusia yang lain. Diriwayatkan daripada Jabir Abdullah RA yang bermaksud:

“Satu jenazah lalu di hadapan kami (para sahabat), maka Rasulullah SAW berdiri. Lalu kamipun turut berdiri. Kami berkata kepada Rasulullah SAW “Ya Rasulullah, itu adalah jenazah Yahudi”. Sabda Rasulullah SAW “apabila kamu melihat jenazah, maka berdirilah”.

(Riwayat al-Bukhari)

Hak kemuliaan insan ini dikukuhkan lagi dengan menjaga hak kehormatan individu. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hujurat ayat 12 dengan menyeru agar sentiasa menjauhi perbuatan bersangka buruk terhadap orang lain, yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan sangkaan (kecurigaan), kerana sebahagian daripada sangkaan itu merupakan dosa. Dan janganlah mencari-cari keburukan orang dan janganlah mengumpat antara satu sama lain. Adakah seorang di antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.”

(Al-Quran, 49: 12)

Hak kebebasan individu merupakan sebahagian daripada prinsip-prinsip demokrasi dan hak asasi manusia yang wajib dihormati. Setiap individu bebas melakukan apa sahaja asalkan tidak melanggar undang-undang. Namun begitu, perlulah wujud kawalan dalam setiap hak berteraskan syariat bagi mengelakkan hak individu, masyarakat dan negara digunakan secara melampau sehingga mewujudkan suasana yang melampau seperti seks bebas, homoseksual, arak, perjudian, rasuah, pemerintahan kuku besi, diktator dan sebagainya. Sebaik-baiknya, undang-undang moden dan adat masyarakat dirumus serta digabung berteraskan hukum syariat bagi memelihara kemaslahatan masyarakat.²⁷

²⁶Ahmad Ali dan Warti, *Hubungan Etnik di Malaysia*, 243.

²⁷Mohammad Nizam, *Indahnya Kenegaraan Islam*, 138-140.

Seterusnya adalah hak kebebasan bersuara bagi menyatakan pandangan dan hak berhimpun sama ada bagi menyatakan sokongan atau bantahan. Setiap warga negara bebas memberikan kritikan termasuklah kepada pemimpin berdasarkan pandangan mereka tentang sesuatu perkara. Ini sebagai sebahagian daripada konsep *syura* dalam pentadbiran. Walau bagaimanapun, kebebasan ini perlulah mengikut peraturan dan adab Islam dan boleh disekat sekiranya membawa kepada kemudaratan terhadap keamanan negara.

Kesemua hak yang dinyatakan merupakan hak-hak seseorang warganegara yang berteraskan konsep *maqasid syariah*. Hak-hak ini adalah selari dengan Perlembagaan Malaysia yang digubal berasaskan kontrak sosial di antara pelbagai etnik di Malaysia. Prinsip-prinsip di dalam *maqasid syariah* yang dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* merupakan panduan yang amat berguna dalam menguruskan kepelbagaian kaum.

Kesimpulan

Keunikan negara Malaysia yang diwarnai pelbagai etnik, agama, bahasa, kebudayaan dan sebagainya merupakan anugerah Allah SWT kepada rakyatnya. Hubungan antara pelbagai etnik yang erat serta sering berinteraksi antara satu sama lain amatlah dituntut oleh Islam berdasarkan firman-firman Allah SWT dalam perbincangan ini. Islam juga telah mengajar kita bagaimana untuk menghormati dan melindungi hak-hak kemanusiaan merentasi bangsa, warna kulit dan agama. Pengajaran paling penting adalah kita dilarang berlaku tidak adil terhadap mana-mana pihak hanya disebabkan perbezaan agama dan budaya. Sebagai umat Islam kita dituntut bertoleransi berpaksikan norma dan etika hidup beragama. Namun perlu diingat, toleransi yang dimaksudkan bukanlah bererti kita mengakui doktrin keyakinan mereka kerana di dalam persoalan akidah, agama Islam tidak sama sekali berkompromi dengan kekufuran atau kesyirikan

Walaupun agama yang benar di sisi Allah SWT hanyalah Islam, tetapi penganut agama lain tidak boleh didiskriminasikan serta dinafikan hak-hak mereka seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan hak tersebut juga selari dengan hak kepada bukan Islam yang diberikan oleh Islam. Mereka bebas menganut dan mengamalkan kepercayaan masing-masing dengan aman dan damai, diberi kebebasan untuk mendirikan rumah ibadat, makan, minum dan berpakaian mengikut kebudayaan sendiri. Selain itu, tiada sekatan untuk mereka mencari rezeki, memiliki dan menguruskan harta, memilih pemimpin, mendapat hak pendidikan dan kesihatan, dijamin keselamatan, diberi keadilan dari segi perundangan dan sebagainya.

Prinsip *wasatiyyah* dalam setiap aspek kehidupan yang berpandukan *maqasid syariah* dalam setiap tindakan pasti akan memuliakan Islam dalam kalangan masyarakat. Prinsip ini menuntut umat Islam bertoleransi dalam hubungan antara pelbagai etnik, iaitu tidak melampaui batas dalam perkara yang telah dipersetujui. Sikap melampaui batas sebenarnya akan menjadi pemangkin kepada kecelaruan minda dan perpecahan masyarakat dan seterusnya akan melemahkan kestabilan sosio-politik negara. Ini akan membawa kepada konflik yang akan menggugat keselamatan negara.

Rujukan

- Ahmad Ali, S., dan Wartti, K. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd., 2013.
- America Foreign Policy Council. *World Almanac of Islamism: Malaysia*. 2013, CIA World Factbook.
- Azyati Azhani, M. M., Wan Kamal, M. Azmi, A., dan Ermy Azziaty, R. “Aplikasi Konsep Wasatiyyah Dalam Pembentukan Piagam Madinah.” *International Journal of West Asian Studies* 5, 2 (2013): 1-15.
- Cashmore, E., dan Banton, M. *Dictionary of Race and Ethnic Relations*. London and New York: Routledge, 1992; reprint, 239-245.
- Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, *Negara Sejahtera*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd., 2014.
- Ganesh Navaratnam, “Malaysia’s Ethnic Relations and National Security: Review of Literature and Micro Survey”. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007.
- Kamaruddin M. Said. “Etnisiti atau Anomie? Analisis Sosiologikal Peristiwa Pergaduhan Beramai-ramai di Petaling Jaya Selatan.” *Akademika* 60 (2002): 21 – 39.
- Laman web Jabatan Perangkaan Malaysia. www.dosm.gov.my
- McSweeny. *Security, Identity and Interest: A Sociology of International Relations*. Cambridge: University of Cambridge, 1999.
- Mohammad Nizam, A.K. *Indahnya kenegaraan Islam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2013.
- Mohd Sohaimi, E., Dayu, S., dan Budi Anto, M. T. *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd., 2011.
- Shamsul Amri Baharuddin, *Modul Hubungan Etnik*, Edisi ke-2. Bangi: Institut Kajian Etnik UKM, 2013.